

Onn pencetus idea negara-bangsa

BH- 5/12/2006

Pengasas Umno punya wawasan jauh, berani berjuang nasib Melayu

Oleh Jamhariah Jaafar

SELEPAS empat hari tiga malam mendengar kisah perjuangan, konflik, kemelut dan polemik yang dialami, dicetus dan diperjuangkan oleh Datuk Onn Jaafar, anak bangsawan yang hidupnya turut diulit kesengsaraan, sudah tiba masanya untuk bangsa Melayu dan rakyat Malaysia keseluruhan memberi pengiktirafan sewajarnya kepada pejuang ini.

Justeru, beliau selaku pengasas ke arah kemerdekaan Tanah Melayu wajar diberi pengiktirafan sebagai 'Bapa Negara Bangsa' kerana beliau bukan saja perintis untuk meletakkan martabat bangsa Melayu di persada sebenar, malah antara individu pertama yang bekerja keras untuk mencipta perpaduan antara pelbagai kaum di negara ini.

Persidangan Kebangsaan Mengenai Datuk Onn Jaafar sepatutnya memartabatkan tokoh pejuang ini sebagai pengasas negara-bangsa bagi Malaysia.

Pemintaan mereka untuk mewujudkan Kerusi Datuk Onn Jaafar yang akan memberi tumpuan kepada pembinaan bangsa di Akademi Pengajian Melayu, di Universiti Malaya, amat kecil berbanding jasanya ke arah perjuangan untuk memerdekakan Malaysia dari belenggu penjajahan British.

Jiwa Melayu Onn diserlahkan begitu pantas apabila dia mula menggunakan mata pena sebagai wartawan ketika dalam buangan di Singapura. Bermula dengan *Sunday Mirror*, dia pernah membidas Sultan Ibrahim, ke *Warta Malaya* semakin keras mengkritik dasar politik, pentadbiran, kedudukan dan ekonomi British yang merugikan dan memundurkan orang Melayu.

"Tulisan Datuk Onn Jaafar dalam *Warta Malaya* memperlihatkan keketatan jiwanya terhadap semangat kebangsaan bangsa Melayu. Segala yang disuarakan bukan untuk membuka kelemahan bangsa, namun yang penting baginya ialah menyedarkan bangsa Melayu supaya tidak dibuai mimpi indah bahawa kekayaan yang ada di negara ini tidak bergolek datang dan tidak akan dikecapi jika bangsa Melayu tidak mengubah sikap negatif yang ada pada diri bangsa ini," kata Prof Madya Dr Mohamad Mokhtar Hassan dari Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.

Prof Madya Dr Hashim Ismail dari Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, berkata Onn sentiasa mementingkan peranan akhbar dalam menggerakkan pemikiran Melayu, kerana semetengah akhbar pada zamannya tidak mementingkan nasib orang Melayu.

"Dalam ucapan akhir beliau ketika menjawat jawatan Yang Dipertua Umno, Onn antara lain mengatakan: Dari satu ke satu masa lain, maka ada juga orang Melayu sendiri, tidak terkecuali surat khabar Melayu, tidak menghargai jasa atau perbuatan Umno itu dalam lapangan siasah, lapangan

FAKTA

Perjuangan Datuk Onn Jaafar

- Sentiasa mementingkan peranan akhbar dalam menggerakkan pemikiran Melayu.
- Tidak pernah sekali membela-bela bangsa Melayu kerana dalam menuntut kemerdekaan selepas Malayan Union ditolak.
- Perkara paling penting bagi Onn ialah usaha mencari penyelesaian mewujudkan keharmonian antara kaum di Tanah Melayu, tanpa mengorbankan hak sebaliknya mengukuhkan kedudukan bangsa Melayu di bumi sendiri.
- Untuk melahirkan kerjasama dan penyatuan kaum di Tanah Melayu Onn mencadangkan Umno membuka keahlian kepada kaum bukan Melayu, namun ditentang.
- Onn adalah individu paling berani dalam memperjuangkan nasib Melayu dan mempunyai wawasan amat jauh untuk kebangkitan anak bangsanya.

pergaulan, di dalam lapangan ikhtisad dan lain-lain. Melainkan golongan ini termasuklah juga, lagi sekali saya katakan, surat khabar Melayu suka menidakan atau mengecilkan perbuatan Umno," katanya memetik luahan hati Onn mengenai sikap akhbar pada zamannya.

Perdebatan yang menyerlahkan pemikiran Onn yang berpandangan jauh, turut membongkar usaha Onn untuk membuka pintu Umno kepada bukan Melayu, yang sebenarnya bukan untuk 'membunuh' Melayu, sebaliknya mahu Umno menjadi sebuah parti yang terus kuat dan dapat menjadi penentu kepada arah dan corak politik Tanah Melayu.

Prof Datuk Ramlah Adam ketika berbicara mengenai Pemikiran Datuk Onn, menegaskan pejuang itu sebenarnya tidak mahu sebuah parti khusus untuk China ditubuhkan. Prinsip Onn hanya satu bahawa orang Melayu yang seharusnya mencorakkan pembinaan 'nasion' atau negara-bangsa, dan dijelaskan melalui ungkapan bahawa 'orang Melayu mestilah dijadikan sebagai teras kepada pohon kayu negara Malaya dan bukan kulitnya'.

"Katanya ketika itu: "Adalah benar-benar penting bagi bangsa Melayu men-

dapatkan kerjasama rapat dengan penduduk lain dalam negara ini. Sudah tiba masanya untuk kita mengambil pandangan lebih luas, daripada pandangan kampung. Jangan sampai dikatakan Melayu mempunyai pemikiran sempit dan penuh syak wasangka.

"Kita hari ini menyaksikan satu transisi dan perubahan. Jika kita (bangsa Melayu) tidak mempedulikan perubahan yang berlaku di sekeliling, kita akan tewas," Ramlah memetik kata-kata pejuang yang ingin melihat kewujudan sebuah negara bangsa, dengan Melayu sebagai tonggak utama.

Ramlah menegaskan, Onn tidak pernah sekali membelakangkan bangsa Melayu kerana dalam menuntut kemerdekaan selepas Malayan Union ditolak, pejuang ini terus mendesak British mengadakan pelbagai langkah untuk memperbaiki ekonomi terlebih dahulu, sebelum sebarang soal membabitkan kerakyatan bangsa lain dibincangkan.

"Walaupun soal ekonomi Melayu dibincangkan pada mesyuarat pertama pada 17 September, 1949, tetapi tidak ada sebarang keputusan muktamad. Tapi Datuk Onn terus mendesak perkara itu diselesaikan dahulu.

"Tidak mungkin orang Melayu melonggarkan kerakyatan jika mereka tidak diberi jaminan tegas terhadap bantuan memperbaiki ekonomi dan kebajikan mereka," katanya mengimbau sejarah perjuangan Onn yang tidak gentar berhadapan dengan bantahan bangsa Melayu kerana cadangan untuk membuka pintu kepada bukan Melayu.

Prof Datuk Zainal Kling dari Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya, pula berkata Onn adalah individu paling berani dalam memperjuangkan nasib Melayu dan mempunyai wawasan amat jauh untuk kebangkitan anak bangsanya.

"Beliau pernah bertindak membela penindasan masyarakat di Johor yang dilayan sebagai 'kuli kerahan' oleh istana, memancarkan hati dan jiwanya yang amat mendalam memahami struktur masyarakat Melayu yang masih feodal ketika itu," katanya ketika membentang kertas kerja 'Datuk Onn dan Masyarakat Tani Melayu'. Tegasnya, Onn cukup sedar akan penyelewengan kuasa oleh British yang memerintah secara tidak langsung atas nama sultan tapi bertindak sebagai penjajah Tanah Melayu, manakala golongan istana dan pembesar mereka pula terlalu lemah untuk menentang kehendak kolonialisme.

Katanya, walaupun dari sudut perundangan Tanah Melayu adalah tanah lindungan dan naungan, bukannya tanah jajahan, namun sultan dan raja Melayu ketika itu terlalu 'bebal' untuk membantah kerana dituduh British tidak layak memerintah dan diganti orang lain.

"Kesedaran akan nasib yang amat dasyat daifnya Melayu inilah yang menyebabkan

Datuk Onn teragak-agak untuk berkeras menuntut kemerdekaan dan menggunakan kekerasan untuk berjuang.

"Justeru, beliau cuba membela nasib bangsa Melayu melalui kaedah pentadbiran bagi pembangunan seperti mewujudkan Agensi Pembangunan Industri Luar Bandar (Rida) yang kemudian diubah menjadi Mara," katanya mengenai kewujudan Rida dalam keadaan amat terbatas dan kurang mendapat sokongan kerajaan pentadbiran British yang lebih komited berbelanja besar untuk kampung Cina.

Pernah melihat 'negara orang' sejak kecil, Onn sebenarnya sudah dapat membayangkan apa yang bakal berlaku dengan kemelut politik Melayu, terutama apabila bangsa lain tidak teragak-agak untuk menggunakan apa jua cara untuk menjadikannya rakyat Tanah Melayu, yang memiliki begitu banyak sumber dan hasil bumi.

Perkara paling penting bagi Onn ialah usaha mencari penyelesaian mewujudkan keharmonian antara kaum di Tanah Melayu, tanpa mengorbankan hak sebaliknya mengukuhkan kedudukan bangsa Melayu di bumi sendiri.

Menurut Dr Ho Hui Ling dari Jabatan Sejarah UM, Onn memang bimbang dengan kewujudan parti politik ketika itu yang memang bercorak perkauman dan memperjuangkan kehendak kaum masing-masing.

"(Keadaan ketika itu) Mustahil untuk melahirkan kerjasama dan penyatuan kaum di Tanah Melayu. Untuk mengubah keadaan, beliau (Onn) mencadangkan Umno membuka keahlian kepada kaum bukan Melayu, namun ditentang. Namun Onn meneruskan hasrat kerjasama politik antara kaum dengan menubuhkan IMP dan kemudian Parti Negara yang bersedia untuk menerima anggota yang bukan Melayu.

"Walaupun usaha beliau kurang berjaya secara umumnya, tapi usaha itu merintis jalan ke arah kesedaran di kalangan pemimpin," katanya mengulas peranan besar Onn ke arah pembentukan Tanah Melayu sebagai sebuah negara-bangsa yang amat unik.

Pensyarah Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Joseph Fernando pula berkata, Onn adalah pejuang yang mencetuskan idea untuk mewujudkan sebuah negara-bangsa. "Datuk Onn banyak mempengaruhi proses penggubalan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, melalui tulisan dan ucapan beliau. Walaupun beliau tidak menghantar memorandum rasmi atau memberi keterangan secara lisan kepada Suruhanjaya Reid, idea beliau diberi perhatian," katanya.

Mengambil kesimpulan Prof Madya Dr Mohd Isa Othman: "Mekipun negara-bangsa Malaysia terbentuk, (namun) identiti kaum masih dikekalkan. Konsep negara-bangsa diterjemahkan mengikut acuan Malaysia - kita bangsa Melayu, Cina dan India, adalah rakyat Malaysia."